



24 September 2013
24 September 2013
P.U. (A) 294

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 13) 2013

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 13) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 13) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2013**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“dapatan penyelidikan dan kemajuan” ertinya dapatan penyelidikan dan kemajuan bagi aktiviti atau keluaran bukan berasaskan sumber yang disenaraikan dalam Jadual dan dimiliki sepenuhnya oleh suatu institusi penyelidikan awam atau institusi pengajian tinggi awam di Malaysia;

“dilakukan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 33(1) dan dalam perenggan 46 dan 55 Jadual 3 Akta;

“pelaburan” ertinya suatu pelaburan dalam bentuk wang tunai dalam suatu syarikat yang layak yang syarikat yang layak itu tidak mempunyai tanggungan untuk membayar balik, atau pegangan modal syer berbayar dalam bentuk tunai berkenaan dengan syer biasa dalam suatu syarikat yang layak;

“pengkomersialan” ertinya suatu proses transformasi dapatan penyelidikan dan kemajuan kepada suatu produk atau proses yang mempunyai aplikasi perindustrian atau yang boleh dipasarkan;

“syarikat pelabur” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]—

- (a) yang membuat pelaburan bagi maksud projek pengkomersialan dalam suatu syarikat yang layak;
- (b) yang secara langsung memiliki sekurang-kurangnya tujuh puluh (70) peratus modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasa dalam suatu syarikat yang layak;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965—

- (a) yang sekurang-kurangnya tujuh puluh (70) peratus modal syer berbayar berkenaan dengan syer biasanya dimiliki secara langsung oleh suatu syarikat pelabur yang membuat pelaburan dalam syarikat yang layak bagi maksud projek pengkomersialan; dan
- (b) yang menjalankan projek pengkomersialan.

Pengecualian

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak yang bermastautin di Malaysia daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu perniagaan yang berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan bagi tempoh sepuluh tahun taksiran berturut-turut (tahun taksiran yang dikecualikan).

(2) Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu perniagaan berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan yang disebut dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dalam surat kelulusan bagi projek pengkomersialan itu.

(3) Permulaan tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah ditentukan oleh Menteri atau Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Pendapatan faedah yang diperoleh oleh syarikat yang layak daripada pendepositan lebih pelaburan yang diterima daripada syarikat pelabur dalam mana-mana bank atau institusi kewangan sementara sebelum digunakan bagi projek pengkomersialan hendaklah dianggap sebagai pendapatan di bawah perenggan 4(c) Akta.

(5) Pendapatan berkanun perniagaan yang disebut dalam subperenggan (1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran yang dikecualikan hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang tergolong boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu dibuat.

(6) Jika suatu aset digunakan bagi maksud perniagaan itu digunakan juga bagi maksud suatu perniagaan selain perniagaan itu, maka elaun yang tergolong boleh diberikan di bawah Jadual 3 Akta hendaklah dipotong sebagaimana yang munasabah dengan mengambil kira setakat yang aset itu digunakan bagi maksud perniagaan yang berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan.

(7) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) akan melepaskan atau dianggap melepaskan syarikat yang layak daripada mematuhi apa-apa keperluan untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau mengemukakan apa-apa maklumat lain di bawah Akta.

Layanan cukai bagi syarikat yang layak yang mengalami kerugian

4. (1) Jika suatu syarikat yang layak didapati mempunyai kerugian larasan di bawah subseksyen 44(2) Akta bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa mana-mana tahun taksiran yang dikecualikan berkenaan dengan sumber perniagaan berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan, amaun kerugian larasan itu tidaklah boleh diambil kira daripada sumber yang terdiri daripada perniagaan itu

atau perniagaan selain perniagaan berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan.

(2) Jika suatu syarikat yang layak didapati mempunyai kerugian di bawah subseksyen 43(2) Akta bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran semasa mana-mana tahun taksiran yang dikecualikan berkenaan dengan sumber perniagaan yang terdiri daripada perniagaan berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan, amaun kerugian larasan itu tidaklah boleh diambil kira daripada sumber yang terdiri daripada perniagaan itu atau perniagaan selain perniagaan berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan.

(3) Apa-apa baki kerugian larasan yang ditentukan menurut subseksyen 43(2) dan 44(2) Akta berkenaan dengan sumber perniagaan yang terdiri daripada perniagaan berhubung dengan pelaksanaan suatu projek pengkomersialan tidaklah boleh diambil kira bagi maksud Akta ini dalam tahun atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya selepas tahun taksiran yang dikecualikan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemakaian potongan bagi penggalakan eksport di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986

5. Bagi maksud mengira pendapatan larasan daripada perniagaan atau projek yang disebut dalam subperenggan 3(1), suatu perbelanjaan yang dibenarkan sebagai suatu potongan semasa tahun taksiran yang dikecualikan di bawah seksyen 41 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] hendaklah dikumpul dan amaun agregat perbelanjaan itu hendaklah dibenarkan sebagai potongan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran pertama selepas tahun taksiran yang dikecualikan.

Pemakaian potongan bagi penyelidikan di bawah seksyen 34A Akta

6. (1) Bagi maksud mengira pendapatan larasan daripada perniagaan atau projek yang disebut dalam subperenggan 3(1), suatu perbelanjaan yang dibenarkan sebagai suatu potongan semasa tahun taksiran yang dikecualikan bagi penyelidikan di bawah seksyen 34A Akta hendaklah dikumpul dan amaun agregat perbelanjaan itu

hendaklah dibenarkan sebagai potongan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pertama selepas tahun taksiran yang dikecualikan.

(2) Amaun potongan yang dibuat di bawah subperenggan (1) hendaklah bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dilakukan.

(3) Jika suatu potongan telah dibuat di bawah Perintah ini berkenaan dengan perbelanjaan yang disebut dalam subperenggan (1), perbelanjaan itu tidak layak untuk apa-apa potongan di bawah Akta.

Elaun modal

7. Bagi maksud Perintah ini, Jadual 3 Akta hendaklah terpakai.

Penarikan balik pengecualian cukai

8. Menteri atau Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menarik balik pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun perniagaan atau projek yang disebut dalam subperenggan 3(1), jika syarikat yang layak itu gagal untuk mematuhi syarat yang ditentukan oleh Menteri yang disebut dalam subperenggan 3(2).

Menyenggara akaun berasingan

9. Syarikat yang layak yang dikecualikan di bawah perenggan 3 hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan atau projek yang disebut dalam subperenggan 3(1) bagi tempoh asas bagi setiap tahun taksiran semasa tahun taksiran yang dikecualikan dan pendapatan itu hendaklah dianggap sumber pendapatan berlainan dan berasingan syarikat yang layak itu.

Pemakaian perenggan 5 dan 6 Jadual 7A

10. Perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, bagi amaun pendapatan berkanun yang dikecualikan daripada perniagaan atau projek yang disebut dalam subperenggan 3(1).

Ketidakpakaian

11. Perintah ini tidak terpakai bagi syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang telah diberikan—

- (a) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Peningkatan Eksport) 1999 [*P.U. (A) 128/1999*];
- (b) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Pengambilan Syarikat Milik Asing) 2013 [*P.U. (A) 218/2013*];
- (c) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Projek Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan) 2006 [*P.U. (A) 55/2006*];
- (d) pengecualian ke atas nilai peningkatan eksport di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2005 [*P.U. (A) 158/2005*];
- (e) elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A Akta;
- (f) apa-apa galakan (kecuali potongan bagi promosi eksport) di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- (g) pengecualian bagi projek pengeluaran bahan makanan yang diluluskan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) 2006 [*P.U. (A) 51/2006*];
- (h) pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 40) 2005 [*P.U. (A) 307/2005*];
- (i) pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 41) 2005 [*P.U. (A) 308/2005*];

- (j) pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 42) 2005 [*P.U. (A) 309/2005*];
- (k) pengecualian bagi syarikat modal teroka di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2005 [*P.U. (A) 75/2005*];
- (l) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Suatu Syarikat Teroka) 2005 [*P.U. (A) 76/2005*]; atau
- (m) potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Pelaburan dalam Syarikat Berstatus BioNexus) 2007 [*P.U. (A) 373/2007*].

JADUAL

[Kaedah 2]

1. Elektrik dan elektronik;
2. Peralatan perubatan;
3. Teknikal atau fungsi tekstil;
4. Jentera dan peralatan;
5. Logam; dan
6. Kelengkapan pengangkutan.

Dibuat 30 Ogos 2013

[Perb.0.3865/G(S).29]Vol.2(14);LHDN.01;LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;
PN(PU2)80/LXVIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 13) ORDER 2013

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 13) Order 2013**.

(2) This Order has effect from the year of assessment 2013 and subsequent years of assessment.

Interpretation

2. In this Order—

“research and development findings” means research and development findings for the non-resource based activity or product listed in the Schedule and wholly owned by a public research institute or public institute of higher learning in Malaysia;

“incurred” has the same meaning assigned to it in subsection 33(1) and in paragraphs 46 and 55 of Schedule 3 to the Act;

“investment” means an investment in the form of cash in a qualifying company for which the qualifying company has no obligation to repay, or the holding of paid-up share capital in respect of ordinary shares in a qualifying company;

“commercialisation” means a process of transforming research and development findings into a product or process that has an industrial application or that is marketable;

“investor company” means a company incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125]—

- (a) which has made an investment for the purpose of a commercialisation project in a qualifying company;
- (b) which directly owns at least seventy (70) per centum of paid-up share capital in respect of ordinary shares of the qualifying company;

“qualifying company” means a company incorporated under the Companies Act 1965—

- (a) where at least seventy (70) per centum of its paid-up shares capital in respect of ordinary shares are directly owned by an investor company that has made an investment in the qualifying company for the purpose of a commercialisation project; and
- (b) which carries on a commercialisation project.

Exemption

3. (1) Subject to subparagraph (2), the Minister exempts a qualifying company resident in Malaysia from the payment of income tax in respect of statutory income derived from a business in relation to the carrying on a commercialisation project for a period of ten consecutive years of assessment (exempt years of assessment).

(2) The tax exemption on the statutory income derived from a business in relation to the carrying on a commercialisation project referred to in subparagraph (1) is subject to such conditions as stated by the Minister in the approval letter for the commercialisation project.

(3) The commencement of the exempt years of assessment shall be determined by the Minister or the Minister of International Trade and Industry, as the case may be.

(4) Interest income derived by the qualifying company from the depositing of excess investment received from the investor company in any bank or financial

institution temporarily before utilization for the commercialization project shall be treated as income under paragraph 4(c) of the Act.

(5) The statutory income of the business referred to in subparagraph (1) in the basis period for each of the exempt years of assessment shall be determined after deducting allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made:

(6) Where an asset used for the purpose of the business is also used for the purpose of a business other than that business, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the asset is used for the purpose of the business in relation to the carrying on a commercialisation project.

(7) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or is deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information under the Act.

Tax treatment for a qualifying company that has suffered losses

4. (1) Where a qualifying company is ascertained to have an adjusted loss under subsection 44(2) of the Act for the basis period for a year of assessment during any exempt years of assessment in respect of a business source in relation to the carrying on a commercialisation project, the amount of adjusted loss shall be disregarded from the source consisting of the business or businesses other than the business in relation to the carrying on a commercialisation project .

(2) Where a qualifying company is ascertained to have a loss under subsection 43(2) of the Act for the basis period for a year of assessment during any exempt years of assessment in respect of a business source consisting of the business in relation to the carrying on a commercialisation project, the amount of adjusted loss shall be disregarded from the source consisting of the business or businesses other than the business in relation to the carrying on the commercialisation project.

(3) Any balance of adjusted loss ascertained pursuant to subsections 43(2) and 44(2) of the Act in respect of a business source consisting of the business in relation to the carrying on a commercialisation project shall be disregarded for the purposes of this Act in the subsequent year or years of assessment after the exempt years of assessment, as the case may be.

Application of deductions for promotion of exports under the Promotion of Investments Act 1986

5. For the purpose of computing the adjusted income from the business or project referred to in subparagraph 3(1), an expenditure which would be allowed as a deduction during the exempt years of assessment under section 41 of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327] shall be accumulated and the aggregate amount of the expenditure shall be allowed as a deduction in the first basis period for a year of assessment after the exempt years of assessment.

Application of deduction for research under section 34A of the Act

6. (1) For the purpose of computing the adjusted income from the business or project referred to in subparagraph 3(1), an expenditure which would be allowed as a deduction during the exempt years of assessment for research under section 34A of the Act shall be accumulated and the aggregate amount of the expenditure shall be allowed as a deduction in the first basis period for a year of assessment after the exempt years of assessment.

(2) The amount of deduction to be made under subparagraph (1) shall be equal to the amount of expenditure incurred.

(3) Where a deduction has been made under this Order in respect of an expenditure referred to in subparagraph (1), such expenditure shall not be eligible for any deduction under the Act.

Capital allowance

7. For the purpose of this Order, Schedule 3 to the Act shall apply.

Withdrawal of tax exemption

8. The Minister or the Minister of International Trade and Industry, as the case may be, may withdraw the tax exemption on the statutory income of the business or project referred to in subparagraph 3(1), if the qualifying company fails to comply with the conditions as determined by the Minister referred to in subparagraph 3(2).

Maintaining of separate account

9. The qualifying company which is exempted under paragraph 3 shall maintain a separate account for the income derived from the business or project referred to in subparagraph 3(1) for the basis period for each year of assessment of the exempt years of assessment and that income shall be treated as a separate and distinct business source of the qualifying company.

Application of paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A

10. Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A to the Act shall apply, *mutatis mutandis*, to the amount of statutory income exempted from the business or project referred to in subparagraph 3(1).

Non-application

11. This Order shall not apply to a qualifying company in the basis period for a year of assessment which has been granted—

- (a) a deduction under the Income Tax (Allowance for Increased Exports) Rules 1999 [*P.U. (A) 128/1999*];
- (b) a deduction under the Income Tax (Deduction for Cost of Acquisition of Foreign Owned Company) Rules 2013 [*P.U. (A) 218/2013*];
- (c) a deduction under the Income Tax (Deduction for Investment in an Approved Food Production Project) Rules 2006 [*P.U. (A) 55/2006*];

- (d) an exemption on the value of increased exports under the Income Tax (Exemption) (No. 17) Order 2005 [*P.U. (A) 158/2005*];
- (e) a reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act;
- (f) any incentives (except deductions for promotion of exports) under the Promotion of Investments Act 1986;
- (g) an exemption for an approved food production project under the Income Tax (Exemption) (No. 10) Order 2006 [*P.U. (A) 51/2006*];
- (h) an exemption under the Income Tax (Exemption) (No. 40) Order 2005 [*P.U. (A) 307/2005*];
- (i) an exemption under the Income Tax (Exemption) (No. 41) Order 2005 [*P.U. (A) 308/2005*];
- (j) an exemption under the Income Tax (Exemption) (No. 42) Order 2005 [*P.U. (A) 309/2005*];
- (k) an exemption for venture capital company under the Income Tax (Exemption) (No. 11) Order 2005 [*P.U. (A) 75/2005*];
- (l) a deduction under the Income Tax (Deduction for Investment in a Venture Company) Rules 2005 [*P.U. (A) 76/2005*]; or
- (m) a deduction under the Income Tax (Deduction for Investment in a BioNexus Status Company) Rules 2007 [*P.U. (A) 373/2007*].

SCHEDULE

[Rule 2]

1. Electrical and electronics;
2. Medical devices;
3. Technical or functional textiles;
4. Machinery and equipment;
5. Metals; and
6. Transport equipment.

Made 30 August 2013

[Perb.0.3865/G(S).29)Vol.2(14);LHDN.01;LHDN.01/35/(S)/42/51/Klt.19;
PN(PU2)80/LXVIII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]